



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2001

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN UNTUK BEKAS POLIS
DAN BEKAS TENTERA YANG DILANTIK SECARA TETAP KE
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan meminda kaedah penetapan gaji permulaan untuk bekas polis dan bekas tentera yang dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam secara tetap.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1979 telah menetapkan syarat, peraturan dan prosedur pelantikan semula secara tetap bekas polis dan bekas tentera ke 'perkhidmatan dalam bidang awam'. Oleh kerana kaedah penetapan gaji permulaan yang diperuntukkan dalam Pekeliling berkenaan telah tidak dapat memberikan manfaat kepada sebahagian besar bekas polis dan bekas tentera, maka Kerajaan telah bersetuju meluluskan kaedah yang baru untuk mereka. Keputusan ini selaras dengan hasrat Kerajaan mengiktiraf jasa dan pengorbanan bekas polis dan bekas tentera menjaga serta mempertahankan keselamatan dan keamanan negara.

DEFINISI

3. Untuk maksud Pekeliling ini:

"bekas polis" bermaksud anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah menamat atau ditamatkan perkhidmatan dengan baik tanpa pencen;

"bekas tentera" bermaksud anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Askar Wataniah, Pasukan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia dan Pasukan Sukarela Tentera Udara Diraja Malaysia yang telah menamat atau ditamatkan perkhidmatan dengan baik tanpa pencen mengikut peraturan yang terpakai dalam perkhidmatan ATM. Bagi anggota sukarela, mereka hendaklah telah berkhidmat semasa peperangan atau dalam tempoh darurat yang diisytiharkan

di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan dan telah dikerah berkhidmat secara sepenuh masa tidak kurang daripada 12 bulan;

"ketua jabatan" termasuklah Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah dan pegawai lain yang mengetuai sesebuah kementerian atau jabatan di peringkat ibu pejabat;

"perkhidmatan awam" bermaksud perkhidmatan awam am Persekutuan, perkhidmatan kehakiman dan undang-undang, perkhidmatan awam Negeri, perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan pihak berkuasa berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan.

SYARAT PELANTIKAN

4. Bekas polis dan bekas tentera layak dipertimbangkan untuk dilantik secara tetap ke mana-mana jawatan dalam perkhidmatan awam, khususnya jawatan yang disenaraikan di Lampiran A, iaitu sekiranya mereka memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh skim perkhidmatan bagi jawatan yang mereka pohon. Semasa mengiklankan kekosongan jawatan, ketua jabatan atau pihak berkuasa melantik perlu memasukkan maklumat berikut yang ditujukan khusus kepada pemohon dari kalangan bekas polis dan bekas tentera:

(i) menasihatkan mereka supaya menyertakan dokumen yang diakui sah

sebagai bukti bahawa mereka adalah bekas polis atau bekas tentera yang telah ditamat atau menamatkan perkhidmatan dengan baik; dan

(ii) kenyataan bertulis daripada ketua jabatan mereka (PDRM / ATM)

berhubung dengan tempoh keseluruhan perkhidmatan dan tempoh bagi setiap jenis pengalaman yang mereka perolehi semasa berkhidmat dengan PDRM atau ATM.

5. Pihak berkuasa melantik dikehendaki memberikan keutamaan kepada calon bekas polis atau bekas tentera dalam sesuatu urusan pengambilan jika mereka memiliki kelayakan yang sama atau setaraf dengan kelayakan yang dimiliki oleh calon yang lain. Bagi pelantikan ke jawatan yang disenaraikan di Lampiran A, jumlah calon dari kalangan bekas polis dan bekas tentera hendaklah sekurang-kurangnya mengikut kadar peratusan yang dinyatakan dalam lampiran berkenaan, kecuali jika bilangan mereka yang layak tidak mencukupi.

6. Untuk mendapatkan calon bekas polis dan bekas tentera yang mencukupi, ketua jabatan diminta menyalinkan maklumat jawatan kosong yang dihantar kepada pihak berkuasa melantik (untuk tujuan pengiklanan) kepada PDRM, Jabatan Hal Ehwal Veteran (Kementerian Pertahanan) serta persatuan yang bertanggungjawab terhadap bekas polis dan bekas tentera. Kesemua agensi dan organisasi yang dimaksudkan itu bertanggungjawab menyampaikan maklumat

tersebut kepada bekas polis dan bekas tentera supaya mereka boleh mengemukakan permohonan apabila iklan pengambilan disiarkan.

PENGESAHAN STATUS

7. Bekas polis dan bekas tentera yang gagal mengemukakan dokumen yang sah untuk membuktikan status mereka sebagai bekas polis atau bekas tentera tidak layak dipertimbangkan kemudahan di bawah Pekeliling ini. Taraf sebagai bekas polis atau bekas tentera seseorang itu akan luput sebaik-baik sahaja mereka dilantik secara tetap ke dalam perkhidmatan awam.

KAEDAH PEMBERIAN HADIAH PERGERAKAN GAJI

8. Bekas polis dan bekas tentera yang dilantik semula secara tetap ke dalam perkhidmatan awam layak dipertimbangkan pemberian hadiah pergerakan gaji mengikut salah satu kaedah berikut:

- (i) Bagi bekas polis dan bekas tentera yang memiliki pengalaman kerja yang sesuai dengan tugas jawatan perkhidmatan awam yang ditawarkan kepada mereka, pemberian hadiah pergerakan gaji boleh ditetapkan mengikut peruntukan Perintah Am 34, Perintah-Perintah Am Bab A (Perlantikan dan Kenaikan Pangkat) 1973, iaitu satu pergerakan gaji bagi setiap genap satu tahun pengalaman. Misalnya, seorang bekas tentera

telah berkhidmat selama 18 tahun dengan ATM dan dari jumlah itu selama 7 tahun 11 bulan terdiri daripada tempoh pengalaman yang dianggap sesuai. Ini bermakna beliau layak dipertimbangkan sebanyak 7 hadiah pergerakan gaji.

(ii) Bagi bekas polis dan bekas tentera yang tidak memiliki pengalaman kerja yang sesuai, atau tempoh pengalaman yang sesuai itu pendek, pemberian hadiah pergerakan gaji untuk mereka boleh ditetapkan seperti berikut:

(a) bagi tempoh perkhidmatan yang genap 2 tahun tetapi kurang dari 4 tahun: 1 hadiah pergerakan gaji.

(b) Bagi tempoh perkhidmatan yang genap 4 tahun tetapi kurang dari 7 tahun: 2 hadiah pergerakan gaji.

(c) Bagi tempoh perkhidmatan yang genap 7 tahun tetapi kurang dari 10 tahun: 3 hadiah pergerakan gaji.

(d) Bagi tempoh perkhidmatan yang genap 10 tahun tetapi kurang dari 14 tahun: 4 hadiah pergerakan gaji.

(e) Bagi tempoh perkhidmatan yang genap 14 tahun tetapi kurang 18 tahun: 5 hadiah pergerakan gaji.

(f) Bagi tempoh perkhidmatan selama 18 tahun dan lebih: 6 hadiah pergerakan gaji.

9. Pemberian hadiah pergerakan gaji mengikut kaedah di perenggan 8(ii) di atas boleh dipertimbangkan oleh ketua jabatan, manakala pemberian berdasarkan kepada kaedah di perenggan 8(i) pula hendaklah dipertimbangkan oleh pihak berkuasa melantik.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

10. Penetapan gaji permulaan seseorang bekas polis atau bekas tentera bergantung kepada jumlah hadiah pergerakan gaji yang mereka layak terima dan mata gaji minimum yang ditetapkan oleh skim perkhidmatan bagi jawatan yang ditawarkan kepada mereka. Misalnya, jika seorang bekas tentera layak mendapat 7 hadiah pergerakan gaji dan beliau telah dilantik ke jawatan yang menawarkan gaji minimum pada P1T3, maka bekas tentera berkenaan layak mendapat gaji permulaan pada P1T10. Walau bagaimanapun pemberian hadiah pergerakan gaji ini tertakluk kepada mata gaji maksimum atau sekatan tertentu yang ditetapkan dari semasa ke semasa bagi sesuatu jawatan itu.

KUATKUASA DAN PEMAKAIAN


11. Pekeliling ini dikuatkuasakan pada tarikh ianya dikeluarkan. Oleh itu peruntukannya terpakai kepada bekas polis dan bekas tentera yang dilantik secara tetap ke jawatan dalam perkhidmatan awam pada atau selepas tarikh tersebut. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing,

pemakaian Pekeliling ini dipanjangkan kepada perkhidmatan awam Negeri, pihak berkuasa berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan pihak berkuasa tempatan.

PEMBATALAN

12. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1979 adalah dibatalkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' JAMALUDDIN BIN HJ AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

KUALA LUMPUR

OKTOBER 2001

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SENARAI JAWATAN YANG DIKEHENDAKI DIISI
DENGAN BEKAS POLIS ATAU BEKAS TENTERA**

Bil	Nama Jawatan Sistem Saraan Baru (SSB)	Peratus Untuk Bekas Polis / Tentera
1	Pekerja Rendah Awam (PRA), Gred R11, R10	100%
2	Jaga, R11	100%
3	Pembantu Penguatkuasa, Gred N9, N7	75%
4	Ahli Bomba, Gred KB13, KB12, KB11	75%
5	Pembantu Am Rendah (PAR) Gred N13	75%
6	Atendan Haiwan, Gred G11, G10	75%
7	Atendan Kesihatan, Gred U16, U15, U14	75%
8	Pemandu Kereta Bermotor, Gred R10, R9	75%
9	Pengawal Keselamatan, Gred KP10, KP9	75%
10	Kelasi / Jurumudi, Gred A11, A10	75%
11	Pembantu Tadbir Rendah (PTR), Gred N11, N10	50%
12	Tukang K2, Gred R6, R2	50%
13	Operator Wireles, Gred N11, N10	50%
14	Pegawai Penjara, Gred KX12, KX11, KX10, KX9, KX8	50%
15	Operator Loji, Gred R10, R8	50%
16	Pembantu Juruinjin Laut / Juruinjin Laut, Gred A11, A9, A7, A6	50%
17	Pekerja Rendah Awam Khas (PRAK), Gred R10, R9	50%
18	Pembantu Hidupan Liar Rendah, Gred G10, G9	50%

19	Tukang Masak, Gred N13, N12	50%
20	Pembantu Kesihatan Awam, Gred U14, U13	30%
21	Juruaudio Visual, Gred N9, N7	30%
22	Pembantu Belia dan Sukan, Gred S7, S6	30%
23	Tukang K3, Gred R7, R5	20%
24	Jurukartografi, Gred J3, J2	20%

Nota:

Senarai ini dikeluarkan melalui [surat](#) JPA 173/14/1 Klt.2/(41) bertarikh 7 November 2001 bagi menggantikan **Lampiran A** kepada **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2001**.

Ruj. Kami: JPA.173/14/1 Klt.2/(41)

Tarikh: 6 NOVEMBER 2001

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2001

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN UNTUK
BEKAS POLIS DAN BEKAS TENTERA YANG DILANTIK
SECARA TETAP KE DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Jabatan ini mendapati **Lampiran A** kepada Pekeliling di atas mengandungi beberapa kesilapan. Oleh itu sila batalkan lampiran berkenaan dan gantikan dengan **Lampiran A** yang baru yang diedarkan bersama-sama ini. Di atas segala kesulitan yang timbul amatlah dikesalkan.

Terima kasih.

“ **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA** “

Saya yang menurut perintah,

(**LUEY BIN PUTEH**)

Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA



03-88854079

email: luey@jpa.gov.my